

Headline	Kebajikan mangsa banjir terus dibela		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	5
ArticleSize	759 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 45,417		



Kebajikan mangsa banjir terus dibela

Oleh ZAMZURINA AHMAD

BANJIR buruk yang melanda beberapa negeri baru-baru ini, telah memusnahkan harta benda mangsa-mangsa banjir terutamanya di Pahang. Dengan keadaan sebegini, tentunya mangsa-mangsa ini mengharapkan bantuan daripada masyarakat bagi mengurangkan beban mereka.

Keperihatinan beberapa badan organisasi di negara ini menyaksikan mangsa-mangsa banjir ini tidak putus-putus menerima pelbagai bentuk sumbangan.

Seorang mangsa banjir di Kampung Temai Hulu, **Sapiah Salleh**, 76, meluahkan rasa syukurnya atas keperihatinan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan sumbangan yang diberikan. Beliau amat berbesar hati menerima kunjungan warga TNB untuk menyerahkan sumbangan di rumahnya.

"Terima kasih kepada TNB. Saya amat terharu dan bersyukur kerana sumbangan ini dapat meringankan sedikit perbelanjaan harian yang terpaksa ditanggung," jelasnya.

Haslinawati Tuah, 36, pula tidak menyangka akan menerima kunjungan daripada Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan pihak pengurusan tertinggi syarikat utiliti itu untuk menyerahkan sumbangan selepas rumahnya terputus hubungan akibat banjir.

"Keperihatinan mereka amat saya hargai kerana ketika ini saya sememangnya memerlukan barangan keperluan harian selepas rumah saya dinaiki air dan terputus hubungan,"

ujarnya.

TNB, melalui inisiatif Tanggungjawab Korporatnya (CR) terhadap mangsa banjir terutamanya di Pahang telah membelanjakan sebanyak RM3.25 juta bagi penggunaan 40 set janakuasa untuk menyalurkan tenaga elektrik sementara di kawasan-kawasan yang dilanda banjir.

Syarikat turut menyerahkan sumbangan tambahan sebanyak RM250,000 kepada Tabung Bencana Banjir Pahang bagi membantu mangsa-mangsa banjir terutamanya di Kuantan dan Pekan, baru-baru ini.

Sumbangan

Sumbangan itu telah disempurnakan oleh Mahdzir Khalid kepada Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob di Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur, Kuantan, ketika lawatan ke kawasan banjir di

negeri tersebut.

Menurut Mahdzir, sebagai sebuah syarikat yang prihatin, TNB turut menghulurkan bantuan keperluan harian berjumlah RM20,000 seperti beras, minyak masak dan gula kepada mangsa-mangsa banjir di pusat-pusat pemindahan di negeri ini sejak awal banjir melanda.

Sementara itu, Johor dan Terengganu, antara negeri lain yang teruk ditenggelami banjir juga tidak ketinggalan menerima sumbangan yang sama.

Menurut Mahdzir, selain RM3.25 juta yang dibelanjakan di Pahang, TNB juga memberikan sumbangan

sebanyak RM20,000 masing-masing di kedua-dua negeri itu.

Jumlah tersebut tidak termasuk kira-kira RM600,000 dibelanjakan TNB bagi set-set janakuasa di kedua-dua negeri tersebut.

Pada masa yang sama, Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi) TNB, Datuk Ir.

Mohd. Aminuddin Mohd. Amin yang turut hadir ketika lawatan dan penyerahan sumbangan tersebut berkata, pihaknya turut menganjurkan Kempen 1Pekerja 1Barang sebagai inisiatif tambahan untuk membantu mangsa banjir terutamanya di Pahang, Terengganu dan Johor.

Beliau juga berkata, dengan sedikit sumbangan daripada kira-kira 30,000 warga kerja TNB di seluruh Semenanjung, ia diharap dapat meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa banjir.

"Reaksi daripada warga TNB amat menggalakkan kerana terdapat juga warga kerja yang menyumbang lebih daripada satu barang keperluan harian seperti beras, minyak masak, lampin pakai buang, peralatan elektrik dan makanan," katanya.

Beliau juga menjelaskan, sumbangan TNB sentiasa diberikan secara berterusan kepada mangsa-mangsa banjir dan pihaknya turut membuka Bilik Gerakan Banjir sejak 3 Disember lalu.

"Sebagai contoh kita telah menghantar sendiri keperluan harian kepada mangsa banjir di Kampung Temai, Pekan, Pahang dari rumah ke rumah sebanyak dua tan," ujarnya.

Headline	Kebajikan mangsa banjir terus dibela		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	5
ArticleSize	759 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 45,417		

Sebagai sebuah syarikat yang prihatin, TNB turut menghulurkan bantuan keperluan harian berjumlah RM20,000 seperti beras, minyak masak dan gula kepada mangsa-mangsa banjir



SAPIAH Salleh (dua kiri) antara mangsa banjir yang turut menerima sumbangan oleh TNB.



MAHDZIR Khalid (tiga kiri) menyerahkan sumbangan bantuan banjir TNB kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bebar, Fakhruddin Mohd. Ariff (tiga kanan) di Kampung Temai ketika mengadakan lawatan kerja di kampung tersebut.

Headline	Kebajikan mangsa banjir terus dibela		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	5
ArticleSize	759 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 45,417		



IR. Mohd. Aminuddin (empat kiri), Mahdzir Khalid dan Adnan Yaakob memegang replika cek sumbangan TNB berjumlah RM250,000 untuk Tabung Bencana Mangsa Banjir Pahang di Kompleks Yayasan Pahang. Turut kelihatan, Pengurus Besar Negeri (Pahang) TNB, Datuk Shahrudin Mohd Simin (dua kiri) bersama-sama wakil pengurusan TNB Pahang yang lain .



KEADAAN masjid Kampung Temai yang masih digenangi air banjir merupakan antara kawasan dilawati oleh Mahdzir dan wakil TNB, baru-baru ini. - UTUSAN/MAHATHIR ALI